

Umno Negeri Diarah Pantau Supaya Tiada Petualang Dalam Parti - Tengku Adnan Bernama
15 September, 2012

JITRA, 15 Sept (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno negeri-negeri diarah memantau tingkah laku anggotanya bagi memastikan tiada petualang dalam parti yang berpeluang menggagalkan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum (PRU) ke-13 akan datang.

Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata perbuatan mensabotaj calon atau parti tidak akan dibiarkan berlaku kerana ia antara punca BN tewas beberapa negeri pada PRU lepas.

"Kita telahpun memantau perkembangan di setiap bahagian dan Badan Perhubungan Negeri diarahkan menubuhkan jawatankuasa pemantau kerana Presiden parti (Datuk Seri Najib Tun Razak) memandang serius perbuatan sabotaj ini.

"....sebab itu Presiden mengarahkan saya turun ke bahagian memberi nasihat dan saya bersyukur tiada kejadian buruk berlaku semasa mesyuarat berlangsung," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu di Institut Perguruan Darul Aman di sini.

Dalam pada itu, Tengku Adnan berkata tujuh Umno bahagian yang tidak dapat mengadakan mesyuarat masing-masing mengikut jadual diberi kebenaran berbuat demikian sebelum akhir bulan ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=694955>